

SK LKTP BELITONG, KLUANG • JOHOR

Bengkel Pemantapan AI Tool dalam Pengajaran dan Pembelajaran

AI Tool dalam PdP

Gemini Notebook • Canva AI for Education

PENCERAMAH


Ts. Ashraf bin Naim

Penolong PPD • PPD Kluang

TARIKH & TEMPAT

18 Ogos 2026 • 2.00 - 4.30 ptg

Bilik Mesyuarat, SK LKTP Belitong



Mengapa Bengkel Ini, Mengapa Sekarang?

Dua sebab besar: beban tugas guru dan peluang yang sudah tersedia dalam akaun anda

Masa guru amat berharga

Purata guru menghabiskan berjam-jam seminggu menyediakan bahan PdP, soalan dan laporan. AI memendekkannya kepada minit.



1

Akaun MOE anda sudah premium

Setiap guru ada akaun moe-dl.edu.my: Gemini untuk Pendidikan dan Canva for Education percuma. Ramai belum menggunakannya.



2

Boleh guna esok pagi

Semua yang dipelajari hari ini berupa kemahiran terus pakai: slaid siap, kuiz siap, bahan interaktif siap sebelum balik.



3

Matlamat hari ini: setiap guru pulang dengan sekurang-kurangnya SATU bahan PdP siap guna yang dihasilkan sendiri.



Objektif Bengkel

Di akhir 2 jam 30 minit ini, anda akan mampu...

1 Kuasai 2 tool utama



Gemini Notebook dan Canva AI for Education, dipilih kerana paling relevan untuk guru sekolah rendah.

2 Bina notebook subjek



Sumber DSKP dan nota anda menjadi pakar rujukan peribadi yang menjawab dengan rujukan.

3 Jana bahan menarik untuk murid



Kuiz, podcast, slaid dan infografik bertema superhero, lego dan angkasa daripada sumber anda.

4 Hasilkan slaid PdP dalam BM



Slaid lengkap Bahasa Melayu dijana Canva AI daripada satu prompt, siap diedit.

5 Bina bahan interaktif tanpa coding



Kuiz interaktif dan aktiviti murid siap agih dengan Canva Code dan penjana aktiviti.

6 Amalkan etika AI



Lindungi data murid dan semak setiap output sebelum digunakan dalam kelas.



Sistem Pembelajaran (LMS)

Semua aktiviti hands-on dipandu langkah demi langkah, prompt sedia salin, kekal dibuka selepas bengkel

- Daftar nama & sambung sesi, progres disimpan
- Bahan sumber DISEDIAKAN: Buku Teks Sains T4 Unit 2 (PDF) sedia muat turun
- Perpustakaan 20+ prompt sedia salin, sepadan dengan sumber
- Hantar hasil ke Ruang Pameran untuk dikongsi

AKSES SISTEM

aitool.tsapps.my

Buka dengan telefon atau laptop • Chrome



Landskap AI 2026 untuk Guru

Banyak tool di luar sana; hari ini kita fokus dua yang paling padu untuk PdP sekolah rendah

Gemini Notebook

Pakar dokumen anda (dahulunya NotebookLM). Jawapan berujukan daripada sumber ANDA. Studio jana kuiz, podcast, slaid dan infografik.



1


Canva AI for Education

Studio visual lengkap. Slaid cantik, aktiviti murid, Magic tools dan Canva Code. Premium percuma untuk guru DELIMa.



2

Yang lain (ChatGPT, Claude, Copilot) kekal berguna, tetapi dua ini PERCUMA sepenuhnya dengan akaun MOE dan paling cepat menampakan hasil untuk PdP.



AI ialah Pembantu, Guru Kekal Nakhoda

Cara berfikir yang betul sebelum menyentuh sebarang tool

1

AI pantas, guru bijaksana



AI menjana draf dalam saat. Guru menilai kesesuaian dengan murid sendiri. Gabungan keduanya ialah kuasa sebenar.

2

Draf pertama, bukan hasil akhir



Anggap setiap output AI sebagai draf 80 peratus. Sentuhan akhir guru menjadikannya 100 peratus sesuai kelas anda.

3

Semak, semak, semak



AI boleh tersilap fakta dengan yakin. Guru yang menandatangani bahan, guru yang bertanggungjawab.

4

Murid tetap keutamaan



AI menjimatkan masa penyediaan supaya lebih banyak masa untuk interaksi sebenar dengan murid.

Formula mudah: AI buat kerja berat penyediaan, guru buat keputusan profesional.



Kunci Semuanya: Akaun MOE Anda

nama@moe-dl.edu.my membuka dua pintu premium secara percuma



Gemini & Gemini Notebook

Log masuk notebook.google.com dengan akaun MOE: had lebih tinggi dan data TIDAK digunakan untuk melatih model AI. Lebih selamat untuk bahan sekolah.



Canva for Education


Daftar melalui DELIMa 3.0 (d3.delima.edu.my): semua ciri premium Canva percuma seumur hidup perkhidmatan, termasuk Magic tools dan Canva Code.

Belum aktif? Log masuk DELIMa 3.0 di d3.delima.edu.my dahulu; kami bantu semasa sesi hands-on nanti.




Formula Prompt CTFC

Satu resipi untuk semua AI tool: arahan lengkap menghasilkan output tepat



CONTOH PROMPT LENGKAP CTFC (ADA DALAM LMS, SEDIA SALIN)

Saya guru Sains Tahun 5 di sekolah luar bandar. Berdasarkan DSKP yang saya muat naik, hasilkan 5 soalan kuiz topik Kitaran Air. Format jadual: soalan, pilihan A hingga D, jawapan, penerangan ringkas. Bahasa Melayu mudah untuk murid 11 tahun.



6 Amalan Etika Wajib

Tidak boleh dikompromi apabila menggunakan AI dengan data sekolah

Jangan muat naik data murid



Nama penuh, MyKid, markah individu dan foto murid kekal di luar AI. Guna data tanpa nama.

1

Semak sebelum edar



Setiap fakta disahkan guru sebelum sampai kepada murid. AI boleh silap dengan yakin.

2

Akaun MOE untuk kerja rasmi



Perlindungan Workspace pendidikan; elak akaun peribadi untuk dokumen sekolah.

3

Telus penggunaan AI



Bahan rasmi yang diedar meluas dinyatakan dibantu AI dan disemak guru.

4

Hormati hak cipta



Muat naik buku teks untuk kegunaan PdP sendiri wajar; menerbit semula tidak.

5

Akal budi guru diutamakan



Keputusan tentang murid tidak diserahkan kepada AI. Guru kenal murid, AI tidak.

6



SLOT 2A • GEMINI NOTEBOOK

Gemini Notebook

Pakar dokumen peribadi anda: jawapan berujukan, kuiz, podcast, slaid dan infografik daripada sumber ANDA sendiri.

01



Apa Itu Gemini Notebook?

Nama baharu NotebookLM (2026) • notebook.google.com • percuma dengan akaun MOE



1 Chatbot biasa

Menjawab daripada 'ingatan' internet. Kadangkala mereka jawapan yang kelihatan betul (halusinasi). Sukar disemak.

2 Gemini Notebook

Menjawab HANYA daripada sumber yang anda beri: DSKP, buku teks, nota. Setiap ayat ada nombor rujukan yang boleh diklik dan disemak.

Bayangkan seorang pembantu yang sudah membaca semua fail anda dan sedia menjawab 24 jam, tanpa mereka-reka.



Antara Muka: 3 Panel Mudah

Skrin notebook baharu terbahagi kepada tiga bahagian dari kiri ke kanan

1 Sources (kiri)



Senarai bahan rujukan anda: fail, laman web, video. Butang '+ Add sources' dan kotak carian web di sini.



2 Chat (tengah)



Ruang bertanya dalam BM. Jawapan muncul dengan nombor rujukan kecil; klik untuk lihat petikan sumber asal.



3 Studio (kanan)



9 alat penjana bahan: Audio, Video, Slide Deck, Mind Map, Reports, Flashcards, Quiz, Infographic dan Data Table.

Notebook menamakan dirinya secara automatik selepas soalan pertama dan kekal tersimpan; sambung bila-bila masa.



5 Cara Menambah Sumber + 1 Petua

Klik '+ Add sources' dan pilih cara yang paling mudah untuk anda

01 Upload files



PDF, dokumen, imej malah audio. Sesuai untuk DSKP, buku teks digital dan nota anda.

02 Websites



Tampal pautan laman web atau video YouTube; kandungannya menjadi sumber.

03 Drive



Pilih terus fail Google Drive akaun MOE anda tanpa muat turun semula.

04 Copied text



Tampal sebarang teks: nota ringkas, soalan lama, petikan buku.

05 Carian web



Taip topik dan biar 'Fast Research' mencari sumber untuk anda (slaid seterusnya).

06 Petua



Mutu jawapan mengikut mutu sumber. Utamakan DSKP dan bahan rasmi KPM.



Fast Research: Sumber Datang Sendiri

Tiada bahan di tangan? Biar Notebook mencari untuk anda

1

Taip topik dalam kotak carian

Contoh: 'kaedah pembelajaran berasaskan projek sekolah rendah Malaysia', kemudian klik ikon kanta.

2

Notebook mencari dan menyenarai

Beberapa saat kemudian: senarai sumber berkaitan dipaparkan dengan ringkasan setiap satu.

3

Klik '+ Import'

Semua sumber terpilih masuk ke panel Sources dan terus boleh disoal.

4

Semak senarai sumber

Sumber bertanda merah gagal dibaca (contohnya Scribd); padam sahaja, yang lain berfungsi.

CUBA DALAM AKTIVITI 1 LMS

kaedah pembelajaran berasaskan projek sekolah rendah Malaysia

(atau topik subjek anda sendiri:
'pecahan tahun 4 kaedah menarik'
'teknik bacaan awal pemulihan')



Bertanya dan Menyemak Jawapan

Kemahiran teras: soalan yang baik dan semakan rujukan



1 Tanya dalam BM, bentuk apa sahaja



'Senaraikan 5 langkah...', 'Bina jadual perbandingan...', 'Terangkan seperti saya murid Tahun 5...'

2 Klik nombor rujukan



Setiap dakwaan ada nombor kecil; klik untuk baca petikan asal. Biasakan menyemak sebelum percaya.

3 Save to note



Jawapan penting disimpan sebagai nota kekal dalam notebook, tidak hilang bila chat baharu.

4 Jika tiada dalam sumber



Notebook memberitahu maklumat tiada, bukannya mereka jawapan. Itulah nilai sebenarnya.

PROMPT CONTOH, SEPADAN DENGAN SUMBER DISEDIAKAN (BUKU TEKS SAINS T4 UNIT 2)

Berdasarkan buku teks yang dimuat naik, terangkan laluan udara semasa manusia menarik nafas dari hidung hingga ke peparu, dalam jadual dua lajur: bahagian dan fungsinya. Bahasa Melayu mudah untuk murid Tahun 4.

Studio: 9 Alat Penjana Bahan

Satu klik menukar sumber anda kepada bahan PdP siap guna



1

Audio Overview

Podcast perbualan 2 hos AI dalam BM. 4 format: Deep Dive, Brief, Critique, Debate.



2

Video Overview

Video ringkasan bernarasi. Format Cinematic, Explainer atau Short.



3

Slide Deck

Dek slaid daripada sumber: Detailed (edaran) atau Presenter (bentang).



4

Mind Map

Peta minda interaktif topik; boleh zum dan kembang cabang.



5

Reports

Laporan berstruktur, ringkasan eksekutif dan dokumen rujukan.



6

Flashcards

Kad imbasan istilah untuk latih tubi murid.



7

Quiz

Set soalan kuiz automatik daripada sumber, sesuai set induksi.



8

Infographic

Infografik satu halaman; boleh diberi tema menarik (slaid seterusnya).



9

Data Table

Jadual data tersusun daripada maklumat dalam sumber.

Rahsia Bahan Menarik: Prompt Bertema

Kotak fokus dalam customize menerima arahan penuh; gunakannya untuk tema kegemaran murid

SLIDE DECK • TEMA SUPERHERO (SUMBER: SAINS T4 UNIT 2)

Slaid tentang sistem pernafasan manusia untuk murid Tahun 4 dengan tema superhero. Setiap organ ialah wira dengan 'kuasa' tersendiri, soalan 'Misi Kilat' setiap 2 slaid, akhiri 'Misi Utama': cabaran mengira kadar pernafasan sendiri.

INFOGRAFIK • TEMA LEGO (SUMBER: SAINS T4 UNIT 2)

Infografik satu halaman tentang laluan udara pernafasan untuk murid Tahun 4, tema blok lego: setiap peringkat (hidung, trakea, peparu) satu blok bercantum dari bawah ke atas, maksimum 6 blok, setiap blok ada ikon dan satu ayat.


1 Lagi tema dalam LMS

Angkasa lepas, bawah laut, sukan, peta pengembaraan, resipi masakan; semuanya sedia salin di halaman Prompt.



2 Pastikan bahasa Melayu

Pilih 'Melayu' pada Choose language dalam dialog customize sebelum Generate.



Podcast & Video dalam Bahasa Melayu

Bahan dengar dan tonton untuk murid, ibu bapa malah PLC guru

1

Audio Overview BM



2 hos AI berbual dalam BM tentang sumber anda. Mainkan sebagai set induksi atau kongsi kepada murid untuk ulang kaji.

3

Video Overview



Format 'Explainer' sesuai untuk penerangan berstruktur, 'Short' untuk klip pendek gaya media sosial.

2

Pilih format ikut masa



Deep Dive untuk perbincangan penuh, Brief untuk 2-3 minit. Pilih 'Short' jika mahu lebih ringkas.

4

Fokus boleh ditetapkan




Kotak fokus menerima arahan: 'fokus pada langkah amali dan contoh untuk murid Tahun 5'.

Penjanaan audio dan video mengambil beberapa minit; mulakan awal dan teruskan kerja lain sementara menunggu.



Demo Langsung

Perhatikan dahulu; anda akan buat sendiri dalam Slot 3 dengan panduan LMS



Cipta notebook baharu

notebook.google.com → Create new

1

Muat naik buku teks Sains T4

PDF Unit 2 disediakan di LMS

2

Soal dalam BM

Jawapan berujukan + Save to note

3

Jana Quiz

Studio → Quiz, terus siap

4

Slide Deck tema superhero

Customize → Melayu → prompt tema

5

Audio Overview BM

Customize → Melayu → Generate

6

Pelan B jika internet perlahan: hasil demo sudah dijana awal dan dibuka dalam tab sedia ada.



SLOT 2B • CANVA AI

Canva AI

Studio visual anda: slaid, aktiviti murid, suntingan ajaib dan bahan interaktif, semuanya percuma untuk guru DELIMa.

02



Canva for Education: Premium Percuma Guru

Log masuk melalui DELIMa dan semua ciri berbayar terbuka



1 Semua ciri Pro percuma



Berjuta template premium, Magic tools, muat turun tanpa had. Banner 'Canva for Education' tanda akaun aktif.

2 Classroom & Invite students



Bina kelas, jemput murid dan agih aktiviti terus. Murid DELIMa turut dapat akses percuma.

3 Kekal milik anda



Design tersimpan dalam akaun; boleh guna semula dan ubah suai setiap tahun.

Semak sekarang: buka canva.com; jika banner 'What will you teach today?' muncul, akaun Education anda aktif.



Hub Canva AI: canva.com/ai

'What will we design today?' Satu kotak untuk semua permintaan

Design

Slaid, poster, dokumen visual daripada prompt BM.



1

Create student activities

Aktiviti murid siap agih dengan objektif pembelajaran.



2

Image

Jana imej ilustrasi untuk bahan PdP.



3

Doc

Dokumen teks berformat: nota, senarai semak, surat.



4

Code

Bahan interaktif tanpa coding: kuiz, permainan mudah.



5

Video clip

Klip video pendek untuk set induksi.



6

Petua prompt: nyatakan bilangan muka, bahasa, subjek, tahun, tajuk dan gaya dalam SATU ayat. Lengkap = tepat.



Aliran Jana Slaid: Prompt → Outline → Design

Kawalan penuh di tangan guru pada setiap peringkat



1 • Taip prompt lengkap BM

Bilangan slaid + bahasa + subjek + tahun + tajuk + gaya.
Contoh di bawah.



2 • Semak outline

Canva cadang rangka setiap slaid. Edit isi (ikon pensel),
padam atau '+ Add page' sebelum jana.



3 • Generate design

Seminit kemudian slaid siap. Klik untuk buka dalam editor
penuh dan edit seperti biasa.

PROMPT CONTOH (SEDIA SALIN DALAM LMS • AKTIVITI 3)

Hasilkan slaid pembentangan 8 muka dalam Bahasa Melayu untuk PdP Sains Tahun 5 bertajuk Kitaran Air, gaya ceria dan mesra murid sekolah rendah, ada soalan kuiz pada slaid akhir

Arahan susulan dalam chat berfungsi: 'tukar kepada tema angkasa lepas', 'tambah slaid aktiviti berkumpulan'.

Create Student Activities

Aktiviti murid lengkap dengan objektif pembelajaran dalam 4 langkah

1

Pilih cip 'Create student activities'

Di canva.com/ai; kotak bertukar kepada mod aktiviti murid.

2

Taip topik + tetapkan penapis

Grade (Tahun 5 = 5th Grade), Subject dan Learning purpose.

3

Semak objektif & pilih jenis

Canva cadang objektif pembelajaran, kemudian jenis aktiviti: Storyboard, Timeline, Cause & Effect dan lain-lain.

4

Generate → Assign

Aktiviti terbuka sebagai whiteboard. 'View as student' untuk pratonton; 'Assign' untuk agih ke Classroom.

TOPIK CONTOH

Kitaran air untuk Sains Tahun 5, aktiviti dalam Bahasa Melayu

Nota penting

Objektif kadangkala dijana dalam BI walaupun topik BM. Edit terus dalam whiteboard, atau tegaskan 'dalam Bahasa Melayu' dalam topik.



Magic Tools: Sunting Imej Seperti Ahli Sihir

Klik foto → butang 'Edit' → panel Edit image; pilih kawasan All, Click atau Brush

1 Magic Eraser



Berus objek yang mahu dipadam (orang di latar, tulisan, objek mengganggu); latar diisi semula secara automatik.

2 Magic Edit



Berus kawasan + taip arahan: 'gantikan dengan glob dunia'. Objek baharu menyatu dengan foto asal.

3 Magic Layers (baharu 2026)



Pisahkan design rata atau imej AI kepada lapisan boleh edit: alih, saiz semula, tukar warna setiap objek tanpa jana semula.

4 BG Remover & lain-lain



Buang latar belakang sekelip mata, Upscale menajamkan imej, BG Generator menjana latar baharu.

Kegunaan guru: bersihkan foto aktiviti sekolah, sediakan gambar bahan bantu mengajar dan poster tanpa Photoshop.



Canva Code: Bahan Interaktif Tanpa Coding

Taip permintaan, dapat aplikasi mini yang terus berfungsi

1

Pilih cip 'Code' di canva.com/ai

Contoh siap ada: kuiz, sijil interaktif, pembina senarai.

2

Taip permintaan dalam BM

Nyatakan jenis bahan, topik, tahun dan ciri yang mahu (skor, maklum balas).

3

Tunggu 1-3 minit

Canva menulis kod dan memaparkan pratonton yang boleh terus dicuba.

4

Publish atau Use in a design

Dapatkan pautan awam untuk murid, atau benamkan dalam slaid anda.

PROMPT CONTOH (AKTIVITI 4 LMS)

Bina kuiz interaktif mudah dalam Bahasa Melayu tentang kitaran air untuk murid Tahun 5, 5 soalan aneka pilihan dengan skor dan maklum balas ceria



Demo Langsung

Sekali lagi: lihat dahulu, buat sendiri dalam Slot 3



1 Jana slaid BM

Prompt penuh → outline → Generate → buka editor



2 Aktiviti murid

Create student activities → Assign



3 Magic Eraser

Padam objek dalam foto contoh



4 Canva Code

Kuiz interaktif siap terbit



Pelan B: semua hasil demo sudah pra-jana dalam akaun; tab sedia terbuka jika internet perlahan.



SLOT 3 • BENGKEL HANDS-ON

Hands-On Anda

Masa untuk mencuba sendiri. Buka LMS, ikut 4 aktiviti terpandu dan hasilkan bahan PdP anda sebelum balik.

03



4 Aktiviti dalam LMS

aitool.tsapps.my → Papan Pemuka → ikut turutan; tanda selesai setiap aktiviti

Bina notebook subjek anda (10 min)

Gemini Notebook: muat naik Buku Teks Sains T4 Unit 2 (disediakan di LMS), 2 soalan berujukan, Save to note.



1

Studio bertema (12 min)

Jana Quiz + Slide Deck atau Infografik tema superhero/lego dalam BM daripada sumber anda.



2

Slaid PdP Canva AI (15 min)

Prompt penuh BM → semak outline → Generate → buka editor → Share pautan.



3

Canva lanjutan (15 min)

Pilih: aktiviti murid siap agih, Magic tools pada foto, atau kuiz Canva Code. Hantar ke Ruang Pameran.



4

Siapa siap awal: cuba tema lain, atau bantu rakan sebelah. Semua aktiviti boleh disambung di rumah; LMS kekal dibuka.



Ruang Pameran & Perkongsian

15 minit terakhir: raikan hasil rakan sebengkel

1 Hantar pautan hasil anda

Butang 'Share' Canva atau 'Publish' Canva Code → tampil di halaman Ruang Pameran LMS.

2 Dinding hasil dipancar ke skrin

Halaman Showcase dimuat semula setiap 30 saat; hasil anda muncul serta-merta.

3 2-3 guru kongsi pengalaman

Apa yang dihasilkan, apa yang mengejutkan, bagaimana mahu guna dalam kelas minggu depan.



Rumusan: Bila Guna Yang Mana?

Dua tool, dua kekuatan, satu aliran kerja



1 Gemini Notebook



Apabila anda ADA bahan dan mahu kefahaman, jawapan berujukan atau bahan dijana DARIPADA bahan itu: kuiz, podcast, slaid, infografik.



2 Canva AI



Apabila anda mahu HASILKAN bahan visual baharu yang cantik: slaid, poster, aktiviti murid, bahan interaktif.

Aliran kerja juara: fahamkan kandungan dengan Gemini Notebook, kemudian cantikkan persembahannya dengan Canva AI.

Etika sentiasa



Tiada data murid dalam AI; semak semua output sebelum edar.

LMS kekal dibuka



aitool.tsapps.my boleh diakses selepas bengkel untuk ulang kaji dan rujukan prompt.

CABARAN 30 HARI


Satu bahan AI setiap minggu.

Minggu 1: satu kuiz Notebook untuk topik semasa

Minggu 2: satu slaid PdP Canva AI dalam BM

Minggu 3: satu infografik atau podcast bertema

Minggu 4: satu bahan interaktif Canva Code, kongsi dalam kumpulan sekolah



RUJUKAN BERTERUSAN

aitool.tsapps.my

Slaid, prompt dan panduan kekal di sini

TERIMA KASIH

Ts. Ashraf bin Naim

PPD Kluang · Mari terus berhubung